

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapa emolumen Penasihat Khas kepada Perdana Menteri (Undang-Undang dan Hak Asasi Manusia) sebulan. Adakah ia bertaraf menteri ; dan
- (b) adakah fungsi beliau bertindih dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Parlimen), Peguam Negara dan Pengerusi Suhakam.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kontrak perkhidmatan yang telah dimuktamadkan, emolumen yang diterima oleh Penasihat Khas kepada Perdana Menteri (Undang-Undang dan Hak Asasi Manusia) adalah berjumlah RM27,227.20 sebulan dan jawatan ini bukan bertaraf Menteri.

2. Secara amnya, beliau bertanggungjawab memberi cadangan serta menyelaraskan isu-isu perundangan bersama pakar-pakar perundangan termasuk mana-mana organisasi atau individu yang berkepentingan. Oleh itu tiada fungsi bertindih dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Parlimen), Peguam Negara dan Pengerusi Suhakam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN (KOTA KINABALU)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terkini warganegara asing keturunan etnik Uighur yang berada di dalam Malaysia. Nyatakan dasar negara berkenaan pengendalian warga Uighur.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia tidak merekodkan perincian etnik bagi kemasukan dan keluar mana-mana warganegara ke / dari Malaysia. Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik oleh Jabatan Imigresen Malaysia dari tahun 2012 sehingga 30 September 2021, jumlah warganegara China yang masuk ke Malaysia adalah seramai 18,054,981 orang dan pergerakan keluar warganegara China dari Malaysia adalah seramai 18,783,705 orang.

Berhubung perihal dasar negara dalam mengendalikan etnik Uighur, Kerajaan tidak memperuntukkan dasar khusus untuk mengendalikan keberadaan warganegara asing mengikut kumpulan ataupun etnik. Kerajaan konsisten menguatkuasakan undang-undang sedia ada seperti Akta Imigresen 1959/63 untuk memastikan keberadaan warga asing di dalam negara adalah teratur mengikut undang-undang dan peraturan negara.